



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

10 OGOS 2022 (RABU)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

10 OGOS 2022 (RABU)



KPDNHEP telah menjalankan Ops ATM bagi memantau harga ayam, telur dan minyak masak di semua peringkat pembekalan dan pengedaran sejak 23 Jun lalu.

Ops ATM pantau harga 3 barang – KPDNHEP

Oleh RASDAN AHMAD

KUALA LUMPUR — Sejak 23 Jun lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melaksanakan Ops ATM membabitkan barang kawalan seperti secara harian di setiap peringkat rantaian pengedaran minyak masak, makanan dan pengedaran ayam, telur dan minyak masak.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, operasi itu bertujuan memastikan bekalan stabil dan tada isu berkaitan kegiatan sorok barang kawalan serta keperluan harian di pasaran selaras dengan Kempen Anti Sorok yang dilancarkan awal tahun lalu.

"Ops ATM juga bertujuan memastikan harga yang dijual bermula 1 Julai lalu tidak terlalu tinggi sehingga menyebabkan kegusaran kepada masyarakat dan bagi mengekang peniaga

tidak beretika daripada mengambil untung tidak munasabah.

"KPDNHEP juga melaksanakan beberapa inisiatif untuk menangani kegiatan sorok seperti pemeriksaan dan pengauditan di setiap peringkat rantaian pengedaran minyak masak melalui aktiviti semakan Rancangan Pra Penghantaran," katanya di Dewan Negara semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Senator N. Balasubramaniam yang bertanyakan usaha kerajaan bagi menangani barang kawalan yang disorok seperti minyak peket bersubsidi dan beberapa barang yang kawalan lain.

Tambahnya, KPDNHEP juga menjalankan pemeriksaan pematuhan permit ke atas peniaga kecil dan pengusaha restoran serta membuat risikan ke atas pengilang, pembungkus, pemborong dan peruncit dengan sasaran terpilih yang

disyaki menyeleweng minyak masak bersubsidi.

Selain itu, kementerian turut menetapkan had pembelian minyak masak polbeg sebanyak tiga peket untuk memastikan lebih ramai pengguna isi rumah dapat menikmati subsidi yang diberikan kerajaan.

Katanya, kerjasama juga diperlakukan dengan agensi penjagaan laut seperti Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM).

"Kementerian juga mengadakan publisiti yang meluas melalui media arus perdana dan media sosial bagi mempertingkatkan kesedaran serta mewujudkan kegeruan dalam kangan peniaga dan melaksanakan Ops Samar bagi membuat uji beli serta mengenal pasti jika terdapat elemen sorok oleh peniaga terbabit," jelasnya.

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : RABU
TARIKH : 10/08/2022
M/SURAT : 16

	Ayam RM6.99	Telur Cred A RM12.90	Gula Pasir RM2.85	Cili Merah RM14
Senarai Harga Barang Keperluan	Daging Lembu Tempatan RM39	Ikan Kembung RM15.90	Bawang Besar Holland RM2.99	Kubis Tempatan RM4
	Daging Lembu Import RM53.90	Minyak Masak RM7.65	Bawang Putih RM5.89	Tepung Gandum RM2.80
				*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP